



Jom baca e-paper
lagi lebih **PADAT**



UTAMA MUTAKHIR GLOBAL ARENA RAP/SELEBRITI BISNES EKSTRA METROTV

BESTARI AGRO IT@METRO SANTAI NUANSA DEKOTAMAN HATI GEN Y SIHAT EKSPRESI VROOM GALERI ADDIN

Jual tanah terbiar

f Share

t Tweet

8+ Share

MyMetro > Mutakhir



WISMA FGV di Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur. FGV mengesahkan tanah kurang daripada 100 hektar yang dijual di Chiping, Perlis adalah tanah terbiar, tiada nilai komersial dan tidak menjasarkan pekerja syarikat itu. FOTO arkib NSTP

Suraya Roslan dan Aizat Sharif

am@hmetro.com.my

FGV Holdings Bhd (FGV) mengesahkan tanah kurang daripada 100 hektar yang dijual di Chiping, Perlis adalah tanah terbiar, tiada nilai komersial serta tidak menjasarkan pekerja syarikat itu.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV, Datuk Haris Fadzilah Hassan berkata, tiada kilang atau pekerja ladang FGV terbabit di atas tanah muhu dijual syarikat berkenaan.

“Tanah berkenaan kurang daripada 100 hektar dengan pegangan pajak tinggal 40 tahun lagi.

“Ia tanah terbiar, tidak produktif serta tiada nilai komersial untuk FGV. Malah, tanah berkenaan tidak strategik atau terletak bersebelahan dengan mana-mana operasi estet atau kilang kami,” katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Katanya, tiada kilang atau pekerja ladang FGV di tanah berkenaan seperti dilaporkan.

“Lembaga Pengarah FGV meluluskan pembubaran Felda Global Ventures Perlis Sdn Bhd yang memiliki tanah yang dipersoalkan, maka tender terbuka dikeluarkan bagi melupuskan tanah 100 hektar di Chuping dengan nilai terbaik.

“Semua proses sudah dan akan terus dilaksanakan secara telus serta sah,” katanya.

Menurutnya, anak syarikat FGV, MSM Malaysia Holdings Berhad juga dalam proses melupuskan aset bukan teras merangkumi 4,453.96 hektar tanah di Chuping, Perlis.

“Tanah ini ditanam dengan getah, kelapa sawit dan mangga. Malangnya tanah berkenaan tidak terletak secara strategik dengan mana-mana operasi semasa FGV,” katanya.

MSM masih menjalani semua proses yang perlu dalam cara yang telus dan mematuhi semua undang-undang yang berkaitan.

Artikel ini disiarkan pada : Sabtu, 2 Februari 2019 @ 9:48 PM

AGENCY: Harian Metro (Online)

LINK : <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/02/419046/jual-tanah-terbiar>